

# Loji baharu mampu bekal 23 juta liter air sehari

MAJLIS BINCANG RAKYAT - 576/16 CM/S 46)

## BUKIT CHANDAN -


Kewujudan sebuah lagi loji rawatan air di Kuala Kangsar dijangka dapat menampung penggunaan air penduduk yang diramal meningkat pada 2030.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, Loji Rawatan Air Kampung Senawar yang mula beroperasi minggu lepas itu mampu membekalkan sehingga 23 juta liter air sehari.

Menurutnya, penggunaan air di sekitar Kuala Kangsar dijangka meningkat kepada 60 juta liter air sehari dan dengan adanya loji terbaharu itu, ia mampu memenuhi keperluan penduduk.

"Tiga loji rawatan air yang ada di sini mampu membekalkan air sebanyak 66 juta liter sehari. Kita harap tiada masalah air atau kekurangan air di sini termasuk kawasan pembangunan yang baru.

"Loji di sini mampu membekalkan sehingga 23 juta liter air sehari. Dengan perancangan ini, kerajaan negeri menyediakan air dalam tempoh terdekat dan juga masa depan," katanya pada



**Loji Rawatan Air Kampung Senawar yang mula beroperasi minggu lalu mampu bekal sehingga 23 juta liter air sehari.**

sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Operasi Loji Rawatan Air (LRA) Baharu Kampung Senawar, semalam.

Projek pembangunan itu untuk mengurangkan kebergantungan sumber air daripada loji rawatan air sedia ada iaitu Kota Lama dan Padang Rengas.

Zambry berkata, penambahan sebuah lagi loji rawatan air dengan kos RM46 juta itu juga sebahagian daripada bukti kejayaan Lembaga Air

Perak (LAP) dalam pengurusan air di Perak.

"Dengan hasil yang bagus seperti ini, kita mampu berikan pulangan kepada penduduk. Sebagai contoh, jalan untuk ke kampung mereka diturap elok. Jadi mereka dapat manfaat secara tidak langsung.

"Saya berbangga kerana kita masih mengekalkan status terbaik dalam pengurusan air di Malaysia. Malah, ada beberapa negeri mahu membeli air daripada kita," katanya.